Headline	Tak sia-sia ayah daftar nama		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	163 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,997
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,991



Tak sia-sia ayah daftar nama'

Kelana Jaya: "Tidak sia-sia ayah mendaftarkan nama saya dengan Tabung Haji ketika saya berumur tiga tahun," kata Rohani Asin, 16.

Rohani yang bersekolah di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang bersyukur kerana bapanya membuat keputusan terbaik.

"Saya rasa bertuah dapat mengerjakan Rukun Islam kelima ini ketika masih bertenaga berbanding sebahagian besar jemaah lain yang sudah uzur kerana faktor usia.

Menurutnya, dia tidak menyangka mendapat peluang itu memandangkan puluhan ribu orang memohon menunaikan haji setiap tahun.

"Saya tidak pernah terfikir dalam usia sebegini berpeluang menjadi sebahagian tetamu-Nya," katanya ketika ditemui di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya.

Menurutnya, Tabung Haji menghubunginya memaklumkan dia terpilih selepas 13 tahun mendaftar.

"Saya tidak dapat gambarkan perasaan apabila menerima berita gembira itu dan berdoa supaya dapat mengerjakan haji dengan sempurna dan beroleh haji mabrur," katanya.

Dia berharap pemergiannya ke Tanah Suci memberi semangat kepada rakannya untuk mengerjakan haji pada usia muda.

"Ramai rakan sekolah mengirimkan doa supaya lulus Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang bakal kami diduduki tahun depan.

"Saya juga berterima kasih kepada sekolah yang memahami situasi saya dan mengizinkan saya bercuti selama sebulan," katanya.

Sementara itu, bapanya, Asin Hussain, 53, menyarankan ibu bapa mendaftarkan anak mereka dengan Tabung Haji pada usia muda.

"Tidak rugi jika daftarkan anak pada usia muda kerana giliran seseorang itu mengerjakan haji mungkin akan mengambil masa puluhan tahun bergantung kepada rezeki masing-masing," katanya.



ROHANI (tengah) ditemani ibu bapanya.